



## POLISI PENGURUSAN RANGKAIAN

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
WILAYAH PERSEKUTUAN**

**1 JANUARI 2020**

# **POLISI PENGURUSAN RANGKAIAN**

## **KANDUNGAN**

### Kandungan Dokumen

1. Sejarah Dokumen.....	2
2. Jadual Pindaan .....	3
3. Pengenalan .....	5
4. Infrastruktur Rangkaian .....	5
5. Tanggungjawab Pentadbir Rangkaian.....	6
6. Pengurusan Alamat Protokol Internet (Ip) .....	7
7. Sambungan Rangkaian .....	7
8. File Transfer Protocol (Ftp) .....	7
9. Pematuhan Polisi.....	8

## POLISI PENGURUSAN RANGKAIAN

### SEJARAH DOKUMEN

Tarikh Semakan Semula	Versi	Kelulusan	Tarikh Kuat Kuasa
-	1.0	Mesyuarat JPICT Bil 2/2014	1 Julai 2014
17 November 2018	2.0	Mesyuarat JPICT Bil 3/2019	

## POLISI PENGURUSAN RANGKAIAN

### JADUAL PINDAAN POLISI PENGURUSAN RANGKAIAN

Tarikh	Versi	Butiran Pindaan
17 November 2018	1.0	<p>i. <b>Infrastruktur Rangkaian:</b> muka surat 3, pindaan ayat perenggan: i. Penggunaan rangkaian di PPTG WP hanya dibenarkan untuk warga PPTG WP dan pembekal yang dilantik sahaja. Pengguna luar yang hendak menggunakan kemudahan rangkaian PPTG WP hendaklah mendapatkan kebenaran Pentadbir Rangkaian PPTG WP;</p> <p>ii. <b>Infrastruktur Rangkaian:</b> muka surat 3, pindaan ayat perenggan: iv. Rangkaian setempat (<i>Local Area Network (LAN)</i>) PPTG WP hanya boleh diintegrasikan dengan rangkaian luar <i>Wide Area Network (WAN)</i> yang dibenarkan sahaja;</p> <p>iii. <b>Infrastruktur Rangkaian:</b> muka surat 3, pindaan ayat perenggan: vi. Sebarang permohonan dan perubahan konfigurasi rangkaian perlulah mendapat kelulusan daripada Pentadbir Rangkaian;</p> <p>iv. <b>Infrastruktur Rangkaian:</b> muka surat 3, pindaan ayat perenggan: vii. Semua peralatan mestilah melalui proses UAT selepas pemasangan dan konfigurasi;</p> <p>v. <b>Infrastruktur Rangkaian:</b> muka surat 3, pindaan ayat perenggan: viii. Semua perisian <i>sniffer</i> atau <i>network analyser</i> dan lain-lain perisian adalah dilarang dipasang atau digunakan pada komputer pengguna kecuali mendapat kebenaran Pentadbir Rangkaian;</p> <p>vi. <b>Sambungan Rangkaian:</b> muka surat 5, pindaan ayat perenggan: iii. Sebarang kerosakan pada UTP port, kabel UTP atau rak rangkaian perlu dilaporkan kepada Pentadbir Rangkaian;</p> <p>vii. <b>File Transfer Protocol (FTP):</b> muka surat 5, pindaan ayat perenggan: ii. Perlu mendapat kebenaran daripada Pentadbir Rangkaian;</p> <p>viii. <b>PEMATUHAN POLISI:</b> muka surat 5, pindaan ayat perenggan pertama: Polisi ini terguna pakai oleh keseluruhan penggunaan aset ICT di PPTG WP. Tiada pengecualian diberikan kepada sesiapapun. Kakitangan PPTG WP yang tetap, sementara, kontrak, agensi atau jabatan terlibat serta pembekal adalah terikat dengan dasar ini. Dasar ini turut terpakai kepada kakitangan yang bekerja secara jauh(<i>remote</i>). Polisi ini turut perlu dibaca bersama-sama dengan arahan/pekeliling dari semasa ke semasa;</p>

# POLISI PENGURUSAN RANGKAIAN

## 1. PENGENALAN

### 1.1. Tujuan

Menentukan penyediaan, pengoperasian dan penyelenggaraan perkakasan serta perisian untuk perkhidmatan rangkaian di Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan.

### 1.2. Skop

Rangkaian Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan merangkumi rangkaian wired dan wireless yang disediakan oleh PPTG WP atau pihak-pihak lain dengan mendapat nasihat daripada Perunding Rangkaian Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan yang dilantik.

Terma Rujukan Perunding Rangkaian Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan seperti berikut:

- i. Merangka keperluan teknologi terkini rangkaian PPTG WP;
- ii. Memberikan khidmat nasihat pembangunan rangkaian di PPTG WP; dan
- iii. Menjalankan pengujian terhadap rangkaian yang digunakan.

## 2. INFRASTRUKTUR RANGKAIAN

- i. Penggunaan rangkaian di PPTG WP hanya dibenarkan untuk warga PPTG WP dan pembekal yang dilantik sahaja. Pengguna luar yang hendak menggunakan kemudahan rangkaian PPTG WP hendaklah mendapatkan kebenaran Pentadbir Rangkaian PPTG WP;
- ii. Semua infrastruktur yang terdapat di PPTG WP tidak dibenarkan untuk disambungkan ke rangkaian lain seperti penggunaan jalur lebar atau *broadband* kecuali mendapat kelulusan Pentadbir Rangkaian dengan mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan;
- iii. Semua infrastruktur rangkaian yang terdapat di PPTG WP diwajibkan melalui tetapan *firewall*, *Intrusion Prevention System (IPS)*, dan *web content filtering* dipasang pada *internet gateway* bagi memastikan rangkaian PPTG WP dilindungi daripada sebarang ancaman keselamatan;
- iv. Rangkaian setempat (*Local Area Network (LAN)*) PPTG WP hanya boleh diintegrasikan dengan rangkaian luar *Wide Area Network (WAN)* yang dibenarkan sahaja;
- v. Sebarang penggunaan rangkaian tanpa wayar(*wireless*) hendaklah mendapatkan kelulusan daripada Pentadbir Rangkaian;
- vi. Sebarang permohonan dan perubahan konfigurasi rangkaian perlulah mendapat kelulusan daripada Pentadbir Rangkaian;
- vii. Semua peralatan mestilah melalui proses UAT selepas pemasangan dan konfigurasi;
- viii. Semua perisian *sniffer* atau *network analyser* dan lain-lain perisian adalah dilarang dipasang atau digunakan pada komputer pengguna kecuali mendapat kebenaran Pentadbir Rangkaian;
- ix. Peralatan rangkaian hendaklah diletakkan di lokasi yg mempunyai ciri-ciri fizikal yang kukuh dan bebas dari risiko seperti banjir, gegaran dan habuk;
- x. Semua tanggungjawab atau kerja-kerja operasi rangkaian dan komputer hendaklah diasingkan untuk mengurangkan capaian dan pengubahsuaihan yang tidak dibenarkan; dan
- xi. Pengasingan rangkaian hendaklah dibuat untuk membezakan kumpulan pengguna dan sistem maklumat mengikut segmen rangkaian Jabatan.

## POLISI PENGURUSAN RANGKAIAN

### 3. TANGGUNGJAWAB PENTADBIR RANGKAIAN

- i. Memastikan rangkaian PPTG WP sentiasa boleh digunakan.
- ii. Menyelesaikan masalah rangkaian PPTG WP.
- iii. Menetapkan domain logikal yang dipisahkan mengikut Bahagian dan dilindungi dengan menggunakan perimeter keselamatan dan mekanisme kawalan capaian tertentu bagi setiap infrastruktur ICT yang perlu dihubungkan melalui rangkaian PPTG WP ([ptgwp.gov.my](http://ptgwp.gov.my)).
- iv. Memastikan perlindungan keselamatan maklumat dalam rangkaian dan infrastruktur sokongan terurus dan terkawal.
- v. Mengenal pasti dan mengemas kini *rules firewall* yang telah ditetapkan sahaja.
- vi. Memantau aktiviti capaian pengguna PPTG WP dari semasa ke semasa.
- vii. Mengemas kini dan menambahbaikkan reka bentuk infrastruktur PPTG WP mengikut polisi keselamatan yang telah ditetapkan.
- viii. Mengenal pasti sebarang aktiviti-aktiviti yang tidak normal yang boleh mengakibatkan bebanan pada rangkaian seperti capaian ke laman yang tidak dibenarkan. Oleh itu, tindakan menyekat capaian ke rangkaian hendaklah dilakukan bagi menghalang aktiviti ini.
- ix. Memantau laluan trafik rangkaian dari semasa ke semasa dan mengambil tindakan yang sewajarnya dengan kadar segera jika berlaku kesesakan trafik rangkaian atau rangkaian tidak dapat berfungsi dengan baik.
- x. Memantau penggunaan IP pengguna dan segera melaporkan kepada Ketua Bahagian sekiranya berlaku penyalahgunaan IP oleh pengguna untuk tindakan selanjutnya.
- xi. Mengawal dan sentiasa mengemas kini DNS dari semasa ke semasa.
- xii. Mengemas kini dan memantau capaian yang tidak sah dan tanpa kebenaran ke atas perkhidmatan rangkaian.
- xiii. Menjana laporan pemantauan aktiviti rangkaian mengikut keperluan jabatan.

### 4. PENGURUSAN ALAMAT PROTOKOL INTERNET (IP)

- i. Permohonan untuk menggunakan IP di PPTG WP hendaklah diperolehi daripada Pentadbir Rangkaian;
- ii. Pengguna dilarang sama sekali untuk menukar IP dalam peralatan ICT masing-masing tanpa kebenaran Pentadbir Rangkaian; dan
- iii. Tindakan akan diambil sekiranya pengguna didapati menyalahgunakan IP yang diberikan.

### 5. SAMBUNGAN RANGKAIAN

- i. Semua permohonan baru untuk mendapatkan kemudahan sambungan rangkaian setempat mestilah melalui Pentadbir Rangkaian.
- ii. Pengguna tidak dibenarkan memutuskan/menyambung sambungan kabel fizikal UTP pada mana-mana infrastruktur ICT.
- iii. Sebarang kerosakan pada UTP port, kabel UTP atau rak rangkaian perlu dilaporkan kepada Pentadbir Rangkaian.

## **POLISI PENGURUSAN RANGKAIAN**

### **6. FILE TRANSFER PROTOCOL (FTP)**

- i. Penggunaan FTP hendaklah dilaksanakan dengan ciri-ciri keselamatan yang disarankan seperti menggunakan aplikasi *putty* bagi sistem pengoperasian *Linux*, *sftp* bagi sistem pengoperasian *Windows*, *SSL*, *VPN* dan sebagainya yang bersesuaian.
- ii. Perlu mendapat kebenaran daripada Pentadbir Rangkaian.

### **7. PEMATUHAN POLISI**

Polisi ini terguna pakai oleh keseluruhan penggunaan aset ICT di PPTG WP. Tiada pengecualian diberikan kepada sesiapapun. Kakitangan PPTG WP yang tetap, sementara, kontrak, agensi atau jabatan terlibat serta pembekal adalah terikat dengan dasar ini. Dasar ini turut terpakai kepada kakitangan yang bekerja secara jauh(*remote*). Polisi ini turut perlu dibaca bersama-sama dengan arahan/pekeliling dari semasa ke semasa.

Dalam keadaan-keadaan tertentu yang seperti diuraikan pada mana-mana pernyataan dasar, pihak ketiga perlu menghormati segala pernyataan yang terdapat di dalam dasar sedia ada.